

SEKITAR



EDISI 17 : 1 - 15 OKTOBER 2016

PENGAMALAN NILAI YANG CEMERLANG MEMBENTUK BUDAYA BERINTEGRITI



Program Family Fun Walk @ Hari Sukan Negara Peringkat Kompleks C Tahun 2016

ms4



Sambutan Maal Hijrah Peringkat Kebangsaan Tahun 1438H



Hari Persidangan Psikologi Dalam Perkhidmatan Awam Tahun 2016



Sekitar Mesyuarat Perhubungan Antara JPA Dengan Pentadbiran Kerajaan Negeri Sarawak Ke-25

ms5

ms2

ms3

SAMBUTAN MAAL HIJRAH PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 1438H



PUTRAJAYA, 2 OKTOBER 2016 - Sambutan Maal Hijrah Peringkat Kebangsaan Tahun 1438H yang bermula pada jam 8.00 pagi telah diadakan di Taman Ekspo Agropertanian Malaysia Serdang (MAEPS) bertemakan 'Ukhuwah Islamiah Asas Penyatuan Ummah'. Kehadiran tetamu kehormat pada sambutan tersebut termasuk Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Perdana Menteri Malaysia dan isteri serta Timbalan Perdana Menteri Malaysia.

Sebanyak 105 kontinjen termasuk Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) menyertai perarakan sejauh 1.7 kilometer itu yang telah melibatkan kira-kira 10,000 peserta daripada agensi kerajaan dan swasta, badan beruniform, pertubuhan bukan kerajaan dan pelajar. Kontinjen Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) telah diketuai oleh YBhg. Dato' Mohtar bin Mohd Abd Rahman, Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Pembangunan).

Pelepasan perarakan telah disempurnakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Bahrom. Tema sambutan pada tahun ini adalah bertepatan dengan usaha kerajaan dalam menyatupadukan rakyat, hidup rukun dan harmoni serta penuh muhibah yang menjadi transformasi kepada kemakmuran Negara. Ukhuwah Islamiah yang terbina berdasarkan iman dan taqwa akan menumbuhkan rasa persaudaraan, kasih sayang dan saling hormat menghormati antara satu sama lain tanpa mengira status bangsa, agama dan fahaman politik.

Bekas Ketua Hakim Negara yang juga merupakan Pro-Canselor Universiti Utara Malaysia (UUM), Tun Dr Ahmad Fairuz Sheikh Abdul Halim telah diumumkan sebagai penerima Anugerah Tokoh Maal Hijrah Peringkat Kebangsaan 1438H. Beliau telah menerima hadiah wang tunai RM100,000 serta sijil penghargaan daripada Yang di-Pertuan Agong Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah.

“There is only one corner of the universe you can be certain of improving, and that's your own self.” — Aldous Huxley

HARI PERSIDANGAN PSIKOLOGI DALAM PERKHIDMATAN AWAM TAHUN 2016



PUTRAJAYA, 4 OKTOBER 2016 - Persidangan Psikologi dalam Perkhidmatan Awam dan Sambutan Hari Terbuka Psikologi Tahun 2016 anjuran sekreteriat Jabatan Perkhidmatan Awam dan Persatuan Pegawai Psikologi Perkhidmatan Awam (PSiPA) telah berlangsung dari 4 hingga 6 Oktober 2016 di Dewan Seri Siantan dan Dewan Seri Melati, Kompleks Perbadanan Putrajaya. Persidangan yang merupakan acara tahunan ini diadakan sebagai pentas kepada penjawat awam untuk bertukar idea, berkongsi maklumat, mempelajari teknik terkini dan meningkatkan pengetahuan serta kemahiran yang merentasi pelbagai sektor perkhidmatan. Ia juga menjadi satu platform dalam meningkatkan hubungan kerjasama antara agensi dalam perkongsian sumber serta kepakaran demi kesejahteraan dan manfaat bersama di bawah konsep dasar *National Blue Ocean Strategy* (NBOS).

Persidangan yang bertemakan "Perkhidmatan Psikologi Melestari Pengurusan Sumber Manusia Masa Hadapan" ini telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Sabariah Hassan, Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Operasi) dan dihadiri lebih 800 penjawat awam yang terdiri dari pelbagai Kementerian dan Agensi dari seluruh negara. Tema yang dipilih adalah bersesuaian dengan pengisian utama persidangan yang memberi fokus kepada usaha memantap dan mengukuhkan pembangunan modal insan serta meningkatkan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan melalui empat aplikasi psikologi iaitu aplikasi psikologi dalam penilaian *personel*, pembangunan *personel*, penyelidikan dan intervensi. Keempat-empat aplikasi ini memainkan peranan penting dalam membantu pengurus sumber manusia dalam mempertingkatkan kecemerlangan dan pembangunan potensi pegawai agar mereka dapat menjayakan setiap dasar serta agenda transformasi negara. Melalui aplikasi psikologi ini, PSM dapat melaksanakan program – program psikologi dan kaunseling yang berbentuk pencegahan, pembangunan serta pemulihan yang dapat dipertingkatkan lagi keberkesanan usaha perkhidmatan awam untuk memperkasakan modal insan ke tahap yang lebih optimum.

Antara pengisian program sepanjang tiga hari tersebut termasuk perkongsian ilmu melalui sesi ceramah, pembentangan kertas kerja, Pameran Transformasi dan Inovasi Perkhidmatan Psikologi oleh pelbagai agensi, sesi bual bicara dan perkongsian kepakaran. Melalui sesi perkongsian ilmu, pengalaman dan kemahiran daripada pengamal psikologi diharap mampu memberi perspektif yang berbeza dan impak yang tinggi serta menggalakkan celik akal kepada *stakeholders*, Ketua Jabatan dan peserta mengenai kepentingan aplikasi psikologi dalam membentuk penjawat awam serta masyarakat yang sejahtera dari segi mental, fizikal, emosi dan rohani.

Persidangan ini turut memainkan peranan dalam mewujudkan kolaborasi, hubungan strategik dan jaringan kerjasama profesional di antara peserta dan pengurus sumber manusia yang berkhidmat di sektor awam, agar pengalaman, pengetahuan, kemahiran dan idea positif dapat disebarluaskan serta dimanfaatkan.

PROGRAM FAMILY FUN WALK @ HARI SUKAN NEGARA PERINGKAT KOMPLEKS C TAHUN 2016



PUTRAJAYA, 8 OKTOBER 2016 - Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dengan kerjasama semua Jabatan dan Agensi sekitar Kompleks C telah menganjurkan program Family Fun Walk @ Hari Sukan Negara bersempena dengan Sambutan Hari Sukan Negara yang merupakan inisiatif Kementerian Belia dan Sukan dalam mentransformasikan Malaysia kepada sebuah "Negara Bersukan" (*Sporting Nation*). Ia disambut pada setiap Sabtu minggu kedua bulan Oktober.

Program ini dilancarkan oleh YBhg. Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam bersama-sama Ketua-ketua Agensi yang terlibat serta seluruh warga penjawat awam di Kompleks C, Putrajaya. Antaranya ialah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA), Jabatan Kerja Raya (JKR) Putrajaya, Lembaga Penasihat Jabatan Perdana Menteri dan Tabung Haji Properties. Seramai 2,500 penjawat awam telah hadir pada program kali ini.

Program ini diadakan bagi memupuk budaya bersukan di kalangan penjawat awam dengan mengamalkan cara hidup sihat, cergas dan aktif. Selain itu, sambutan pada kali ini turut melibatkan aktiviti bersukan bersama ahli keluarga peserta yang hadir. Ia dapat mewujudkan budaya bersukan yang harmoni dan meningkatkan hubungan ukhwah sesama ahli keluarga mereka serta rakan sekerja.


Aktiviti utama program ini merupakan aktiviti berjalan kaki sejauh 1.97 kilo meter mengelilingi sepanjang Jejak Sisiran 1, Putrajaya yang bermula dari Dataran Kompleks C, Putrajaya. Pelbagai aktiviti menarik telah diadakan yang merangkumi tiga (3) segmen iaitu kecergasan, keseronokan dan pameran seperti aktiviti bersenam, pertandingan, jualan dan riadah serta penampilan khas oleh maskot Upin dan Ipin.

**SEKITAR MESYUARAT PERHUBUNGAN ANTARA JABATAN PERKHIDMATAN AWAM DENGAN
PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI SARAWAK KE-25**
- 9 OKTOBER 2016



SEKITAR SESI SARINGAN KE-2 PERTANDINGAN GEGAR PIDATO PIALA TAN SRI KPPA 2016
- 6 OKTOBER 2016





IKUTI KAMI



www.jpa.gov.my



Jabatan
Perkhidmatan Awam



@jpa2day



Jabatan
Perkhidmatan Awam



@jpa2day

Blok C1, C2 & C3, Kompleks C, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62510 W.P. Putrajaya, Malaysia. | Telefon : +603 8000 8000
Sumbangan Berita : Warga JPA | Penerbitan : Komunikasi Korporat | Percetakan : Unit Dokumentasi JPA

PENERAJU TRANSFORMASI PERKHIDMATAN AWAM